



09 DEC, 2025

Keperluan pusat data data tidak sebabkan kenalkan tarif air domestik

Sinar Harian, Malaysia



Keperluan pusat data tidak sebabkan kenaikan tarif air domestik

KUALA LUMPUR - Persidangan Dewan Negara pada Isnin dimaklumkan bahawa kadar tarif air domestik tidak akan dinaikkan semata-mata untuk menampung keperluan pusat data.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, kerajaan menetapkan kos penambahbaikan infrastruktur grid elektrik dan air bagi kemasukan pusat data ditanggung oleh pihak pemaju bagi mengelakkan kenaikan tarif terhadap pengguna, khususnya pengguna domestik.

Beliau berkata, kemasukan pusat data dan peningkatan unjuran permintaan elektrik di Semenanjung memerlukan penambahbaikan grid bagi tempoh Regulatory Period 4 (RP4) bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027, susulan permintaan komited melebihi 7,000 megawatt (MW) yang ditandatangani melalui Perjanjian Bekalan Elektrik (ESA) antara syarikat pusat data dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB), termasuk projek yang dijangka siap sehingga September 2025.

"Dalam hal ini, pendekatan *user pays* diper-

kenalkan dalam jadual tarif baharu di mana pengguna pusat data perlu menanggung kos tambahan pemantapan infrastruktur grid tersebut bagi mengelakkan kos ditanggung pengguna lain," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Negara pada Isnin.

Beliau menjawab pertanyaan Senator Datuk Rosni Sohar yang ingin mengetahui penilaian kerajaan mengenai kesan peningkatan pusat data terhadap penggunaan tenaga dan air serta jaminan tiada kenaikan tarif elektrik dan air yang akhirnya membebankan rakyat dan menjejaskan kesejahteraan ekonomi domestik.

Menurut Akmal Nasrullah, kerajaan turut mewujudkan kategori tarif khusus Voltan Ultra Tinggi bagi pusat data yang disambungkan pada voltan tinggi dan voltan amat tinggi bagi memastikan bekalan elektrik stabil serta mampan di premis pusat data berkenaan.

Beliau memaklumkan penggunaan air bagi sistem penyejukan dan operasi pelayan pusat data turut meningkat hasil pembangunan pusat data berskala besar dan kerajaan

sedang melaksanakan strategi pengurusan bekalan air mampan supaya keperluan sektor ini tidak menjejaskan pengguna domestik serta industri lain.

Katanya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mengeluarkan Garis Panduan Bekalan Air bagi Pembangunan Pusat Data berkuat kuasa 1 September lalu yang memperincikan syarat teknikal perlu dipatuhi.

"Operator juga digalakkan menggunakan teknologi hijau seperti sistem penyejukan efisien, penggunaan air boleh guna, pengumpulan air hujan dan kitar semula air dalam pengoperasian pusat data bagi mengurangkan kebergantungan kepada air terawat serta menyokong agenda kelestarian negara," katanya. - *Bernama*



AKMAL NASRULLAH